

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan dan pencapaian ASEAN, sekiranya ada, berkenaan konsensus lima perkara mengenai krisis Myanmar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Subang atas pertanyaan yang dikemukakan

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Pada ketika ini, Malaysia mengambil pendekatan bekerjasama dengan Negara-negara Anggota ASEAN dan tidak bergerak secara bersendirian. Ini mengambil kira bahawa ASEAN mempunyai pengaruh yang lebih besar ke atas Myanmar secara kolektif supaya negara tersebut kembali ke landasan demokrasi seperti yang telah dimandatkan oleh rakyat Myanmar menerusi pilihan raya yang diadakan pada November 2020.

3. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, satu pertemuan di kalangan Pemimpin-pemimpin ASEAN (*ASEAN Leaders' Meeting*) telah berlangsung di Sekretariat ASEAN, Jakarta pada 24 April 2021.

4. Susulan pertemuan tersebut, Kenyataan Pengerusi ASEAN yang merangkumi dengan izin, *Five-Point Consensus* telah dikeluarkan dan dipersetujui oleh semua pihak termasuk Jeneral Kanan Min Aung Hlaing yang hadir mewakili pihak junta tentera Myanmar. *Five-Point Consensus* ini merupakan lima perkara yang dikenal pasti oleh ASEAN yang perlu dilaksanakan dalam usaha mencari jalan penyelesaian terhadap pergolakan yang berlaku di Myanmar. Antaranya, *Five-Point Consensus* berkenaan memberi mandat kepada Utusan Khas Pengerusi ASEAN mengenai Myanmar untuk mengadakan lawatan ke Myanmar bagi memudah cara dialog konstruktif bersama semua pihak berkepentingan bagi mencapai penyelesaian damai demi kepentingan rakyat Myanmar.

5. Setakat ini, lawatan tersebut masih belum dapat dilaksanakan memandangkan pihak berkuasa tentera Myanmar enggan membenarkan Utusan Khas bertemu dengan pihak-pihak berkepentingan tertentu.

6. Utusan Khas akan meneruskan usaha berbincang dengan pihak berkuasa tentera Myanmar berhubung pelaksanaan *Five-Point Consensus* ini sebagaimana diamanah oleh para Pemimpin ASEAN.

7. Keengganan pihak junta tentera Myanmar untuk membenarkan Utusan Khas melawat Myanmar dan mengadakan pertemuan dengan semua pihak yang berkepentingan termasuklah pihak anti-junta telah menyebabkan usaha Utusan Khas menemui jalan buntu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

8. Malaysia menyokong penuh usaha-usaha Utusan Khas Pengerusi ASEAN berkenaan Myanmar dalam melaksanakan *Five-Point Consensus* tersebut.

Sekian, terima kasih.